

## INOVASI PENGAJARAN UNTUK MENARIK MINAT PELAJAR MENGUASAI ILMU TAJWID

Hamir Hamzah Jaafar  
Mohamad Hilmi Mat Said  
Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Corresponding author: [syuhasha@yahoo.com](mailto:syuhasha@yahoo.com)

### ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan penggunaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid yang melibatkan hukum nun sakinah dan tanwin (hukum lima) yang dinamakan sebagai kaedah Yadun. Kaedah Yadun menggunakan teknik padanan lima jari tangan dengan bilangan lima hukum tajwid yang melibatkan nun sakinah dan tanwin dan dibahagikan kepada tiga tahap pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah Yadun terhadap penguasaan murid melibatkan hukum nun sakinah dan tanwin. Dengan menggunakan reka bentuk *pretest-posttest control group design*, seramai 29 orang murid dipilih secara rawak bertujuan untuk mengikuti kaedah Yadun manakala 29 orang murid lagi mengikuti kaedah pembelajaran biasa. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan kaedah *Yadun* telah dapat mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan nun sakinah dan tanwin (hukum lima). Kaedah Yadun juga mampu membantu murid memahami, mengingat dan menguasai hukum Iklab, Idgham Bila Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah, Izhar Halqi dan Ikhfak Hakiki dengan mudah dan pantas. Hasil daripada kajian ini menyumbang kepada peningkatan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid agar menjadi satu ilmu yang mudah untuk dikuasai oleh murid dan secara tidak langsung dapat membantu memperbetulkan bacaan al-Quran dengan bertajwid.

**Kata kunci:** Kaedah Yadun, Hukum Lima, Mudah dan Pantas

### 1.0 PENDAHULUAN

Ilmu tajwid merupakan satu ilmu yang sangat penting untuk dipelajari bagi setiap muslim supaya dapat membaca al-Quran dengan baik dan betul. Pembelajaran ilmu tajwid sudah diajarkan sejak di bangku sekolah rendah (Sukatan Muridan Pendidikan Islam, 2002) dan diperteguhkan lagi di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya bidang tilawah al-Quran (KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 2, 2016). Berdasarkan objektif KSSR dan KSSM Pendidikan Islam, murid-murid yang mempelajari Pendidikan Islam di sekolah rendah dan sekolah menengah akan boleh membaca al-Quran menggunakan hukum tajwid dengan betul, lancar dan fasih secara berterusan. Hasrat ini akan dapat tercapai apabila murid-murid benar-benar menguasai ilmu tajwid secara teori dan amali agar ayat-ayat suci al-Quran yang dibaca terhindar daripada kesalahan dan dapat membacanya dengan betul sepertimana al-Quran itu diturunkan kepada Nabi

Muhammad saw. Sukatan ilmu tajwid yang terdapat di dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah adalah untuk memberikan ilmu secara teori berkaitan dengan tajwid dan membantu murid membaca ayat-ayat suci al-Quran daripada melakukan kesalahan supaya dapat membaca dengan betul. Namun program tilawah al-Quran masih belum berjaya mengubah sikap murid dalam menghayati hukum-hukum tajwid dengan berkesan (Aminah Idris, 1997). Kepincangan tersebut masih membelenggu masyarakat kita khususnya murid-murid di sekolah (Che Rozali Bin Husain, 2012). Oleh itu, sampai hari ini masih lagi dipertikaikan keberkesanan pembelajaran tajwid dalam tilawah al-Quran di sekolah.

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada dokumen standard kurikulum dan pentaksiran untuk tajuk hukum tajwid, standard prestasi murid yang memperolehi tahap dua merupakan murid yang boleh menjelaskan hukum tajwid yang telah dipelajari dengan betul (KPM, 2016). Namun hasrat ini masih belum tercapai kerana kelemahan murid dalam mengingat dan memahami hukum tajwid dengan baik hingga menyebabkan bacaan al-Quran secara bertajwid sukar dikuasai (Che Rozali Bin Husain, 2012). Manakala faktor penguasaan al-Quran yang masih lemah terutamanya bagi murid yang masih membaca Iqra' secara langsung menjejaskan penguasaan hukum tajwid (Khairiah Razali dan Ahmad Sihes, 2017). Dalam konteks pengajaran tajwid dan al-Quran di peringkat sekolah rendah, ilmu hukum tajwid tidak diberi penekanan secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran kerana lebih mementing pembacaan ayat al-Quran secara bertajwid. (Ab. Halim, 2013). Di tambah pula dengan amalan guru yang tidak mampu menyampaikan isi pelajaran tajwid al-Quran dengan menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dan tidak mencapai tahap memuaskan (Eadil, 2010). Kegagalan guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang berkesan turut menyebabkan masalah penguasaan ilmu tajwid. Perkara ini disokong oleh Buntat dan Muhamed (2010) menyatakan bahawa para pendidik kurang berminat untuk menjalankan aktiviti kreatif di dalam bilik darjah kerana hanya bergantung pada media pembelajaran yang tersedia seperti buku teks yang memiliki kekurangan yang hanya menyajikan tulisan sehingga susah difahami makna bunyi dan panjang pendek bacaan sehingga menjadikan murid cepat bosan sehingga sukar untuk memahami ilmu tajwid. Hasil kajian Lily Zuraini Mohd Mustaza (2011) mendapati kaedah pengajaran dan pembelajaran guru telah menjadi faktor murid lemah untuk menguasai ilmu tajwid dengan lebih baik. Situasi ini memerlukan guru lebih kreatif dan inovatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan kepelbagaian murid.

Guru-guru Pendidikan Islam seharusnya menggunakan kepelbagaian kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat membangkitkan minat murid untuk terus mempelajari ilmu tajwid. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran didapati sebahagian besar murid-murid tingkatan dua kurang menguasai ilmu tajwid yang melibatkan hukum nun mati dan tanwin dengan baik samaada secara teori mahupun pembacaan. Oleh itu, satu teknik baru perlu diperkenalkan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid dengan mengaplikasikan satu inovasi yang dinamakan sebagai kaedah Yadun. Kaedah ini merupakan satu teknik pengajaran dan pembelajaran ilmu

tajwid yang menggunakan jari tangan sebagai medium utama untuk menjelaskan hukum Nun Sakinah dan Tanwin. Kaedah Yadun yang dibangunkan membolehkan murid mengenalpasti, mengingat, mengeluarkan dan membaca ayat-ayat al-Quran yang mengandungi hukum Iqlab, Idgham Bila Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah, Izhar Halqi dan Ikhfak Hakiki dengan mudah dan pantas.

### 3.0 KAEDAH YADUN

Kaedah Yadun merupakan satu inovasi kaedah pengajaran untuk membantu murid-murid menguasai dan mengingat ilmu tajwid dengan mudah. Teknik padanan jari digunakan bagi menjelaskan nama hukum-hukum tajwid (hukum lima), taburan huruf hijaiyyah bagi setiap hukum tajwid dan cara bacaan hukum tajwid (hukum lima). Satu model tangan digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk memperjelaskan cara pembelajaran kaedah Yadun. Model tangan kaedah Yadun ditunjukkan seperti gambar rajah dibawah.



Tahap pertama



Tahap ke dua



Tahap ke tiga

Pengajar kaedah Yadun melibatkan tiga tahap pembelajaran:-

#### a. Tahap Pertama

Nama-nama hukum tajwid (hukum lima) dipadankan mengikut mengikut saiz ketinggian jari bermula dengan jari yang pendek ke jari yang paling panjang. Ibu jari merupakan jari yang paling pendek mewakili hukum Iqlab, diikuti dengan anak jari mewakili hukum Idgham Bila Ghunnah, jari manis mewakili hukum Idgham Maal Ghunnah. Manakala jari yang agak panjang iaitu jari telunjuk mewakili hukum Izhar Halqi dan jari tengah merupakan jari yang paling panjang mewakili hukum Ikhfak Hakiki. Murid perlu membiasakan diri dengan susunan yang diatur mengikut saiz ketinggian jari bagi memantapkan lagi ingatan mereka tentang nama-nama hukum tajwid.

#### b. Tahap Kedua

Bilangan huruf hijaiyyah sebanyak 27 huruf akan dibahagikan mengikut saiz ketinggian jari bermula dengan jari yang paling pendek hingga jari yang paling panjang dengan menggunakan sistem penomboran satu hingga tujuh. Nombor satu diletakkan pada hukum Iklab (ibu jari) kerana mempunyai satu huruf sahaja iaitu ب (ba). Nombor dua pada hukum Idgham Bila Ghunnah (anak jari) kerana mempunyai dua huruf iaitu ل (lam) dan ر (ro). Manakala nombor tiga ialah jari manis mewakili hukum Idgham Maal Ghunnah. Nombor empat diletakkan pada bilangan huruf Idgham Maal Ghunnah sebanyak empat iaitu م (min) ي (ya) ن (nun) و (wau). Seterusnya nombor lima diletakkan pada hukum Izhar Halqi (jari telunjuk) dan nombor enam diletakkan pada bilangan huruf Izhar Halqi yang mempunyai enam huruf iaitu ا (alif) خ (kho) ح (kha) ع (ain) غ (ghin) ه (ha). Nombor tujuh diletakkan pada hukum Ikhfak Hakiki (jari tengah) yang merupakan jari yang panjang sekali dan mempunyai bilangan huruf yang terbanyak iaitu 15 huruf ت (ta), ث (sa), ج (jim), د (da), ذ (za), ز (zai), س (sin), ش (syim), ص (sod), ض (doth), ط (to), ظ (zho), ف (fa), ق (khof), ك (kaf). Penekanan bilangan huruf dengan saiz ketinggian jari perlu ditekankan kepada murid agar mereka boleh mengingatnya dengan mudah.

### c. Tahap Ketiga

Hukum tajwid (hukum lima) mempunyai tiga cara bacaan iaitu dengung, tidak dengung dan jelas atau nyata. Tumpuan diberikan kepada cara bacaan dengung yang melibatkan hukum Iklab (ibu jari), Ikhfak Hakiki (jari tengah) dan Idgham Maal Ghunnah (jari manis). Ketiga-tiga hujung jari ini perlu bersentuhan sesama sendiri yang akan membentuk suatu objek. Perkataan berlawanan kepada dengung adalah tidak dengung diletakkan pada hukum Idgham Bila Ghunnah (anak jari). Manakala bacaan jelas atau nyata diletakkan pada hukum Izhar Halqi (jari telunjuk) dengan melakukan perbuatan seolah-olah sedang menunjukkan sesuatu.

## 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah Yadun untuk meningkatkan penguasaan murid dalam hukum tajwid untuk subjek Pendidikan Islam.

1. Mengenalpasti penguasaan Nun Sakinah dan Tanwin sebelum diperkenalkan kaedah Yadun.
2. Menentukan keberkesanan kaedah Yadun dalam penguasaan Nun Sakinah dan Tanwin murid.
3. Mengenalpasti peningkatan pencapaian murid dalam hukum Nun Sakinah dan Tanwin.

## 5.0 METODOLOGI

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan eksperimen-kuasi. Dalam kajian ini, kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dipilih tanpa dilakukan pengelompokan secara rawak (Ruseffendi, 2005). Ini bermakna dua kumpulan murid dipilih sebagai responden kajian. Satu kumpulan dijadikan kumpulan kawalan manakala satu kumpulan lagi diberikan rawatan (*treatment*) atau disebut sebagai kumpulan eksperimen. Rawatan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pembelajaran menggunakan kaedah Yadun kepada kumpulan eksperimen dan

pembelajaran secara konvensional kepada kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan ini akan melalui ujian pra dan ujian pos.

Jadual di bawah menunjukkan reka bentuk eksperimen-kuasi bermula dari ujian pra, pelaksanaan kaedah rawatan dan pelaksanaan ujian pos.

Jadual 1: Reka bentuk Asas Eksperimen-Kuasi

Kumpulan Eksperimen	Ujian Pra (u1)	(X*)	Ujian Pasca (u2)
Kumpulan Kawalan	Ujian Pra (u3)	(Y*)	Ujian Pasca (u4)

X\* : Pembelajaran menggunakan kaedah Yadun.

Y\* : Pembelajaran menggunakan pendekatan konvensional.

Jadual 1 menunjukkan ujian pra (u1 dan u3) dilakukan kepada kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen (X\*) dan kumpulan kawalan (Y\*) sebelum rawatan atau eksperimen dijalankan. Tujuan ujian pra adalah untuk mengetahui tahap penguasaan tajwid kalangan murid sebelum eksperimen dijalankan. Seterusnya dilakukan ujian pos (u2 dan u4) selepas kedua-dua kumpulan selesai memperolehi rawatan iaitu pembelajaran menggunakan kaedah Yadun pada kumpulan eksperimen dan pembelajaran konvensional pada kumpulan kawalan. Tujuan ujian pos ini dilakukan untuk mengetahui sama ada berlaku peningkatan tahap penguasaan tajwid ataupun tidak. Seterusnya, hasil ujian pra dan ujian pos dianalisis mengikut objektif kajian ini.

Dapatan data daripada ujian ini akan dapat menjelaskan objektif kajian iaitu murid boleh menguasai hukum tajwid yang melibatkan hukum lima dengan betul setelah mempelajari hukum lima dengan menggunakan kaedah Yadun. Mengenalpasti masalah murid yang tidak dapat menguasai hukum lima dari segi nama hukum, pembahagian huruf, cara bacaan dan contoh ayat merupakan tindakan awal yang dilakukan sebelum kajian dimulakan. Instrumen ujian pra telah dilaksanakan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid. Berdasarkan ujian pra yang telah dilakukan, masih terdapat ramai murid yang tidak dapat menguasai hukum lima dengan baik.

Satu kaedah telah dibangunkan sebagai salah satu cara untuk mengatasi kelemahan ini dikenali sebagai kaedah Yadun. Kaedah Yadun merupakan satu inovasi yang dibangunkan oleh pengkaji yang menggunakan anggota sedia ada pada diri guru dan murid iaitu jari tangan yang boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar. Satu model tangan telah dibina bagi memudahkan proses peralaksanaan kaedah Yadun. Pelaksanaan kaedah ini dilakukan secara tiga tahap. Tahap pertama, murid diperkenalkan nama hukum dengan menukarkan nama jari-jari tangan kepada nama-nama hukum lima iaitu Iklab, Idgham Bila Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah, Izhar Halqi dan Ikhfak Hakiki mengikut panjang dan pendek jari. Seterusnya tahap ke dua murid diterangkan tentang pembahagian huruf hijiyah mengikut nama-nama hukum lima mengikut jari dan tahap ke tiga penerangan tentang cara bacaan bagi setiap hukum lima serta contoh ayat yang mempunyai hukum lima. Di samping itu murid diminta untuk melukiskan gambar tangan yang menggambarkan kaedah Yadun di dalam buku latihan sebagai rujukan. Menurut Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007), bahan bantu mengajar merupakan segala kelengkapan yang diguna pakai oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah. Bahan ini tidak

terhad kepada buku teks, papan tulis dan gambar sahaja, tetapi juga merangkumi segala benda yang digunakan dalam proses pengajaran yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dirasai, dihidu, digunakan dan sebagainya.

Jumlah keseluruhan sampel yang terlibat dalam kajian ini seramai 58 orang yang merupakan murid dari dua kelas tingkatan dua sebuah sekolah menengah di daerah Kuantan yang mempunyai tahap pencapaian sederhana dalam pendidikan Islam. Menurut Mohd Najib (1998) menyatakan bahawa lebih besar sampel yang digunakan oleh para penyelidik akan membantu para penyelidik mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi. Di samping itu, para penyelidik juga dapat mengurangi kesilapan keputusan atau masalah kebarangkalian. Sample dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 29 orang diletakkan dalam kumpulan kawalan dan 29 orang dalam kumpulan eksperimen. Prosedur pengumpulan data yang digunakan bagi kajian ini ialah ujian pra dan pasca, tentang keberkesanan pembelajaran tajwid menggunakan kaedah Yadun. Hasil dapatan diterjemahkan dalam bentuk jadual bagi menganalisis data pencapaian murid untuk menunjukkan perbandingan pencapaian murid sebelum dan selepas pelaksanaan kaedah Yadun dan perbandingan pencapaian dengan kumpulan eksperimen.

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Peningkatan Penguasaan Hukum Tajwid Yang Diajar Menggunakan Kaedah Yadun

Jadual 2 di bawah menunjukkan peningkatan penguasaan hukum tajwid murid yang diajar menggunakan kaedah Yadun (kumpulan eksperimen). Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan murid dalam hukum tajwid dari segi nama hukum, taburan huruf hijaiyyah dan cara bacaan dan contoh ayat yang mempunyai hukum tajwid setelah murid didedahkan dengan kaedah Yadun. Dari analisis yang dijalankan nilai peratus yang diperolehi oleh murid kumpulan eksperimen tersebut adalah: (i) Menyatakan nama hukum tajwid dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah Yadun= 37.9% [11 murid], setelah belajar menggunakan kaedah Yadun= 100%) [29 murid] peningkatan 62.1% [18 murid], (ii) Membunyikan dan mengingati huruf hijaiyyah dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah Yadun= 0.68% [2 murid], setelah belajar menggunakan kaedah Yadun= 93.1% [27 murid] peningkatan 94.42% [25 murid], (iii) Menyatakan cara bacaan dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah Yadun= 10.3% [3 murid], setelah belajar menggunakan kaedah Yadun= 100% [29 murid] peningkatan 89.7% [26 murid], (iv) Menulis contoh ayat yang mempunyai hukum tajwid dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah Yadun= 13.7% [4 murid], setelah belajar menggunakan kaedah Yadun= 72.4% [21 murid] peningkatan 58.7% [17 murid]. Secara terperinci ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 2 : Perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen

Bentuk Soalan	Ujian Pra U1 (29)		Ujian Pasca U2 (29)		Nilai Tokokan (+/-)
<b>Nama hukum</b>	11 orang	37.9%	29 orang	100%	+62.1%
<b>Huruf Hijaiyyah</b>	2 orang	0.68%	27 orang	93.1%	+94.42%
<b>Cara bacaan</b>	3 orang	10.3%	29 orang	100%	+89.7%

**Contoh Ayat**                      4 orang    13.7%    21 orang    72.4%    +58.7%

---

Manakala jadual 3 di bawah menunjukkan peningkatan penguasaan hukum tajwid murid yang diajar menggunakan kaedah biasa (kumpulan kawalan). Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan murid dalam hukum tajwid dari segi nama hukum, taburan huruf hijaiyyah dan cara bacaan dan contoh ayat yang mempunyai hukum tajwid setelah murid diajar menggunakan kaedah biasa. Dari analisis yang dijalankan nilai yang peratus diperolehi oleh murid kumpulan kawalan adalah: (i) Menyatakan nama hukum tajwid dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah biasa = 27.5% [8 murid], setelah belajar menggunakan kaedah biasa = 89.6%) [26 murid] peningkatan 62.1% [18 murid], (ii) Membunyikan dan mengingati huruf hijaiyyah dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah biasa = 0.68% [2 murid], setelah belajar menggunakan kaedah biasa = 31.03% [9 murid] peningkatan 30.35% [7 murid], (iii) Menyatakan cara bacaan dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah biasa = 10.3% [3 murid], setelah belajar menggunakan kaedah biasa = 58.6% [17 murid] peningkatan 48.3% [14 murid], (iv) Menulis contoh ayat yang mempunyai hukum tajwid dengan betul (sebelum diajar menggunakan kaedah biasa= 0.68% [2 murid], setelah belajar menggunakan kaedah biasa = 68.9% [20 murid] peningkatan 68.22% [18 murid]. Secara terperinci ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3 : Perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Bentuk Soalan	Ujian Pra U3 (29)		Ujian Pasca U4 (29)		Nilai Tokokan (+/-)
Nama hukum	8 orang	27.5%	26 orang	89.6%	+62.1%
Huruf Hijaiyyah	2 orang	0.68%	9 orang	31.03%	+30.35%
Cara bacaan	3 orang	10.3%	17 orang	58.6%	+48.3%
Contoh Ayat	2 orang	0.68%	20 orang	68.9%	+68.22%

Keseluruhannya, dapatan kajian ini hanya melibatkan bilangan murid yang menjawab soalan berkaitan hukum tajwid dengan betul dalam ujian pra dan ujian pasca yang telah dilaksanakan. Faktor-faktor lain seperti jantina, etnik, tempat tinggal, tahap pendidikan ibu bapa, dan status sosioekonomi tidak diambil kira dalam penghasilan kajian ini. Pengkaji merumuskan dapatan kajian adalah seperti berikut;

- a) Tahap penguasaan hukum tajwid yang sedia ada pada murid berada pada tahap yang lemah.
- b) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penguasaan hukum tajwid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen sebelum pembelajaran biasa dan penggunaan kaedah Yadun.
- c) Terdapat perbezaan yang signifikan tahap penguasaan dalam kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen selepas pembelajaran biasa dan penggunaan kaedah Yadun.
- d) Keputusan keseluruhan analisis pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan menunjukkan peningkatan jumlah sample yang menjawab soalan tentang hukum tajwid dengan betul selepas pelaksanaan kaedah Yadun dan kaedah biasa. Namun peningkatan penguasaan murid dalam hukum tajwid menggunakan kaedah Yadun lebih tinggi kerana ke empat-empat aspek yang

dikaji mempunyai peningkatan yang baik. Ini menunjukkan bahawa kaedah Yadun berupaya meningkatkan pencapaian dan ingatan murid dalam ilmu tajwid yang berkaitan hukum lima dengan mudah dan pantas.

## **7.0 PERBINCANGAN**

Kajian ini telah menunjukkan pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca mempunyai perbezaan yang amat ketara dari segi peningkatan peratus murid yang menjawab soalan dengan betul membuktikan keberkesanan kaedah Yadun dalam menguasai hukum lima. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah Yadun dapat membantu murid meningkatkan keyakinan diri, daya ingatan dan kefahaman terhadap apa yang dipelajari serta menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan menyeronokkan. Ini menunjukkan bahawa guru harus memberikan penekanan yang lebih dari aspek kaedah dan pendekatan pengajaran agar pendekatan tersebut tidak membosankan, membingungkan dan memberatkan murid untuk menguasai pelajaran (Noornajihan Jaafar, 2108). Selain itu, dalam kajian ini menunjukkan betapa pentingnya penggunaan bahan bantu mengajar dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan kaedah Yadun yang menggunakan model tangan sebagai bahan bantu mengajar oleh guru dan murid melakarkan gambar tangan dibuku tulis serta menggunakan tangan sendiri, telah dapat meningkatkan kefahaman mereka untuk mengingat dan menguasai isi pelajaran dengan hanya melihat jari tangan yang ada pada diri sendiri. Saiz jari yang berbeza dari segi panjang dan pendeknya digunakan sebagai bahan bantu untuk mengukuhkan penguasaan, kefahaman dan ingatan murid berkaitan dengan hukum lima. Dapatan ini beketepatan dengan Nur Atiqah Binti Abdul Aziz (2018), penggunaan BBM yang sesuai memberi impak yang positif kepada murid-murid dalam proses menguasai bacaan Iqra' dan meningkatkan minat dengan pembelajaran.

Pada zaman moden ini, guru adalah bertanggung jawab untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri seseorang murid. Amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah perlulah menjadi lebih kreatif, kritis dan inovatif (Azlina Binti Amat Yasin, 2017). Guru harus memahami idea perubahan dengan sempurna dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dilaksanakan dengan jayanya. Dengan itu, mereka boleh menghasilkan pengetahuan baru atau inovasi dengan melakukan kajian untuk mengatasi sebarang masalah dalam profesion mereka.

## **8.0 KESIMPULAN**

Penggunaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid memberi impak yang sangat besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah Yadun yang menggunakan teknik padanan lima jari tangan dengan bilangan lima hukum tajwid yang disusun kepada tiga tahap pembelajaran dari mudah ke sukar amat bekesan untuk membantu meningkatkan kefahaman murid berdasarkan kepada pencapaian murid dari ujian pasca dan ujian pos yang telah dilakukan. Ini menunjukkan bahawa keberkesanan kaedah Yadun terhadap penguasaan murid melibatkan hukum nun sakinah dan tanwin. Murid dapat memahami, mengingat dan menguasai hukum Iklab, Idgham Bila Ghunnah, Idgham Maal Ghunnah, Izhar Halqi dan Ikhhaf Hakiki, pembahagian setiap huruf hijaiyyah dan cara bacaan setiap hukum dengan mudah dan pantas.



Bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan aspek pemilihan dan penggunaan kaedah yang sistematik kerana sangat mempengaruhi proses penerimaan pelajar terhadap pengajaran guru. Penggunaan kaedah dan BBM yang sesuai dan semasa dalam pembelajaran ilmu tajwid amat diperlukan selaras dengan pendidikan abad ke 21. Hasil kajian ini menyumbang kepada peningkatan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid yang mampu membantu guru memenuhi tuntutan penyediaan bahan bantu mengajar yang berbentuk inovasi yang akan memberi kesan yang positif terhadap murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bidang al Quran dan bidang tajwid di sekolah.

## RUJUKAN

Al Quran Al Karim.

Abdul Aziz, N. A., & Jaafar, N. (2018). Penguasaan Pembelajaran Al-Qur'an Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 24-36.

Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (2013). Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah Al-Quran Program J-Qaf. *International Journal Of Islamic Thought*, Vol. 3.

Aminah Idris (1997). Penilaian Program Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Rendah. UKM: Bangi.

Azlina Binti Amat Yasin. 2017. Amalan Inovasi Pengajaran Penguasaan Sifir Dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik Murid Tahun 5, dalam tesis Sarjana. Upsi: Tanjung Malim

Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2017. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan 2. Kementerian Pendidikan Malaysia

Buntat, Y, dan Mohamed, N. 2010. Aplikasi Pemikiran Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal Bagi Matamuridan Teknikal. *Jurnal Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Che Rozali Bin Husain. 2012. Penguasaan tajwid Hukum Lima Di Kalangan Murid Tahun Lima: Satu Kajian Di Sekolah Kebangsaan Padang Mandol Tumpat Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Open University Malaysia

Eadil Mat. (2010). Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Haji Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz (2016). Mudahnya Ngaji Tajwid. Kajang Selangor: Furqanworks Sdn. Bhd.

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai Johor. Penerbit UTM.
- Khairiah Binti Razali, Ahmad Johari bin Sihes (2015). Teknologi E-Quran Dalam Meningkatkan Penguasaan Tajwid Dalam Kalangan Murid Tahun 3 dalam Persidangan Amalan ICT antara disiplin.
- Lily Zuraini Mohd Mustaza. 2011. Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua Daerah Kuala Lumpur, dalam tesis Sarjana. UPSI: Tanjung Malim
- Mohd. Najib Ghafar. 1998. Penyelidikan Pendidikan. Skudai. UTM.